

Begonia herveyana King

Famili: Begoniaceae
Genus: *Begonia*
Spesies: *B. herveyana*
Nama Tempatan: Asam batu



Begonia herveyana hanya boleh dijumpai di Melaka dan Johor dan telah disenaraikan sebagai sangat terancam di dalam projek penilaian Malaysian Plant Red list yang dibuat oleh FRIM (Chua et al. 2009). Tumbuhan ini hidup subur di kawasan habitat yang terosot seperti di atas batu-batan, formasi granit dan sebagainya menjadikannya semakin senang untuk pupus kerana aktiviti-aktiviti perlombongan.